

# Kapal nuklear AS dibenar berlabuh

Oleh ZABRY MOHAMAD

**Kita alu-alukan jika mereka mahu singgah di sini asalkan menghormati undang-undang dan kedaulatan negara**

UM-22/8/2006  
NAJIB TUN  
RAZAK  
Timbalan  
Perdana Menteri

**KUALA LUMPUR** 21 Ogos – Kerajaan tidak menghalang mana-mana kapal pengangkut berkuasa nuklear milik tentera Amerika Syarikat (AS) berlabuh di negara ini asalkan mereka mematuhi undang-undang dan tidak mencabul kedaulatan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kapal-kapal berkenaan sudah menggunakan Selat Melaka sejak sekian lama dan tidak ada sebab untuk kerajaan menghalang mereka melaluinya dan singgah di negara ini.

"Kapal-kapal ini sering menggunakan Selat Melaka dan tidak mendatangkan sebarang masalah kepada kita.

"Kita alu-alukan jika mereka mahu singgah di sini asalkan menghormati undang-undang dan kedaulatan negara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam ke-II di sini, hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan pemberita mengenai kunjungan

beberapa kapal pengangkut pesawat berkuasa nuklear milik tentera AS ke negara ini sejak kebelakangan ini.

Terbaru, kapal USS Enterprise berlabuh selama lima hari di Pelabuhan Klang minggu lalu.

Pada Jun lalu, sebuah lagi kapal pengangkut pesawat tentera AS iaitu USS Ronald Reagan singgah selama tiga hari untuk mengadakan lawatan ke negara ini.

Semasa berlangsung Forum Perdana Keamanan Global pada Jun lalu, beberapa pihak menggesa Malaysia tidak membenarkan lagi kapal pengangkut berkuasa nuklear milik tentera AS berlabuh di pelabuhan negara ini bagi mengelak Malaysia terlibat dalam konflik antarabangsa.

Najib yang juga Menteri Pertahanan memberitahu, kehadiran kapal-kapal berkenaan tidak dilihat sebagai satu ancaman kepada

negara kerana kedatangannya secara aman dan bertujuan baik.

Mengenai laporan sebuah majalah luar negara mengenai penamatan perkhidmatan jet pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) MiG-29N sebaik menerima pesawat baru, Sukhoi SU-30MKM tahun depan kerana kekurangan juruterbang tempur, Najib berkata, ia merupakan satu spekulasi.

**NAJIB Tun Razak memperkatakan sesuatu kepada pegawai perkhidmatan awam (dari kanan) Azrul Nahar Zailah, Mazlan Othman, Hazwan Arset, Siti Massah Azmi dan Hilyati Salwa Shokri selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam di Intan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam.**

